



**TABUNG HAJI**  
حي على الفلاح

# PELAN INTEGRITI *TH* 2023 - 2027



## KATA ALU-ALUAN Pengerusi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kejayaan Lembaga Tabung Haji (**TH**) menerbitkan versi baharu Pelan Integriti **TH** 2023-2027 yang telah dikemaskini selari dengan kehendak serta situasi semasa.

Integriti merupakan komponen penting untuk membina keperibadian yang unggul serta kualiti jati diri yang tinggi di dalam sahsiah warga kerja. Sebagai Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), **TH** sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik sejak penubuhannya enam dekad yang lalu.

Kecemerlangan yang berterusan di dalam sesebuah organisasi tidak hanya bergantung kepada pembaharuan sistem-sistem kerja dan teknologi semata-mata. Ianya turut berkait rapat dengan perilaku dan sahsiah yang ditonjolkan oleh warga kerja semasa menjalankan tugas harian mereka. Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai murni dan budaya kerja berintegriti ini amat penting bagi mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan bebas rasuah.

Sebagai institusi Islam yang mengurus tadbir simpanan umat Islam di Malaysia, setiap warga **TH** memikul amanah yang amat besar, di mana setiap tindakan yang dilakukan perlu mengambil kira kebajikan para pendeposit dan selari dengan peruntukan Akta **TH**.

Tahniah saya ucapkan atas usaha menerbitkan Pelan Integriti **TH** ini yang merupakan kompas asas perjalanan bagi setiap warga **TH** dalam pelaksanaan urusan kerja serta merupakan sebahagian daripada usaha untuk memelihara reputasi dan membina kecemerlangan **TH** seterusnya.

Diharapkan Pelan Integriti ini dapat berfungsi sebagai asas utama kepada dasar, prosedur dan garis panduan yang berkuatkuasa di **TH** berkenaan hubungan profesional di antara warga kerja dengan pihak ketiga yang terlibat secara langsung di dalam urusan perniagaan bersama **TH**.

Semoga semua warga **TH** di setiap peringkat dapat memahami dan menghayati serta mematuhi segala isi kandungan Pelan Integriti ini dan menjadikannya sebagai panduan harian mereka.

Rasulullah SAW bersabda, "Setiap dari kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya".

Justeru pastikan kita sentiasa menjalankan tanggungjawab dengan sebaiknya kerana kita nanti pasti akan ditanya tentang apa saja yang dipertanggungjawabkan.

Insyaa-Allah, sekiranya seluruh warga kerja dapat memenuhi komitmen ini, maka ia akan menjadi kekuatan bagi memacu **TH** ke mercu kejayaan dalam menguruskan perjalanan haji umat Islam negara.

Sekian, Terima Kasih.

TAN SRI AZMAN HJ MOKHTAR

Pengerusi

## PENYATAAN KOMITMEN INTEGRITI PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF TH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas rahmat-Nya, Pelan Integriti **TH** 2023-2027 dapat diterbitkan. Tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Integriti dan semua jawatankuasa yang terlibat dalam penghasilan pelan baharu yang telah dikemaskini ini.

Usaha menerbitkan edisi terbaru ini adalah penting dalam memastikan panduan yang dibangunkan untuk warga **TH** sentiasa relevan dengan isu-isu integriti terkini. Integriti merupakan tunjang dalam tadbir urus dan pentadbiran sesebuah institusi. Dalam konteks **TH**, budaya kerja berintegriti harus sentiasa dipupuk dan dilestarikan selaras dengan kehendak Islam. Ia boleh dijayakan melalui tadbir urus yang baik dengan adanya dasar dan prosedur kerja yang mantap, yang menutup ruang dan peluang berlakunya pelbagai salah laku, rasuah dan salah guna kuasa.

Dengan adanya Pelan Integriti **TH** 2023-2027, maka **TH** akan secara berstruktur dan sistematik melaksanakan aktiviti dan inisiatif pendidikan, pencegahan, penambahbaikan, pengiktirafan dan punitif secara keseluruhan di dalam organisasi. Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang terkandung di dalam pelan ini juga, diharap warga **TH** secara khasnya, dan pihak berkepentingan ("stakeholders") dan pendeposit **TH** secara amnya, dapat membudayakan nilai moral, etika dan integriti yang luhur dalam segala urusan mereka pada masa akan datang.

Perkara-perkara yang terkandung di dalam Pelan Integriti ini bertujuan untuk mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan yang profesional dan berdaya maju. Oleh yang demikian, saya berharap agar Pelan Integriti yang diterbitkan ini menjadi panduan utama seluruh warga **TH** untuk memperoleh pencapaian yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Saya percaya dengan sokongan padu semua warga, budaya berintegriti, beretika dan profesionalisma akan dapat diaplikasi sebagai amalan kerja seharian demi kelestarian **TH** seterusnya, Insya-Allah.

Salam Hormat.

SYED HAMADAH BIN SYED OTHMAN

Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif

# ISI KANDUNGAN

## 1. Latar Belakang

|                                       |   |
|---------------------------------------|---|
| Pelan Integriti <b>TH</b> 2013-2018   | 2 |
| Pelan Antirasuah Nasional (2019-2023) | 3 |
| Ikrar Integriti Korporat <b>TH</b>    | 4 |

## 2. Pelan Integriti **TH** (2023-2027)

|              |   |
|--------------|---|
| Pengenalan   | 5 |
| Objektif     | 6 |
| Rangka Kerja | 7 |
| Strategi     | 8 |
| Pendekatan   | 9 |

## 3. Petunjuk Prestasi Utama Pelan Integriti **TH** (2023-2027)

|                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| Sasaran Pelaksanaan                   | 15 |
| Penilaian Keberkesanan                | 15 |
| Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian | 16 |
| Nilai Teras dan Etika <b>TH</b>       | 17 |

## 4. Penutup

19



# LATAR BELAKANG

## PELAN INTEGRITI TH 2013-2018


Pelan Integriti **TH** (PITH) 2013-2018 adalah peneraju kepada Pelan Integriti **TH** 2023-2027. Ia telah dibangunkan berdasarkan Pelan Integriti Nasional yang telah dilancarkan pada 23 April 2004. Pembangunan PITH bertujuan untuk membudayakan nilai moral, etika serta integriti yang luhur di kalangan warga **TH** dan pemegang taruh.

**TH** telah berjaya mencapai sasaran dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah diletakkan dalam Pelan Integriti **TH** dan terus menambah baik struktur tadbir urus korporatnya mengikut inisiatif negara dan amalan tadbir urus yang baik.

Strategi bagi setiap pendekatan dinyatakan dalam jadual di bawah:

| Pendekatan                | Strategi                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|---------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pendidikan                | <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meningkatkan integriti dan ketelusan dalam membentuk budaya integriti di <b>TH</b>;</li> <li>■ Mengurangkan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;</li> <li>■ Memupuk kesedaran mengenai polisi dan peraturan <b>TH</b> yang berkuatkuasa.</li> </ul>                                                                                                                                                                                             |
| Pencegahan                | <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menambahbaik keberkesanan dan tadbir urus dalam sistem penyampaian;</li> <li>■ Mencegah percanggahan kepentingan dalam pengurusan perniagaan;</li> <li>■ Sistem pemantauan dan pelaporan efektif;</li> <li>■ Menyokong prinsip ikrar integriti korporat;</li> <li>■ Pematuhan kepada undang-undang, peraturan lokal dan antarabangsa dalam perniagaan.</li> </ul>                                                                                      |
| Penambahbaikan            | <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Memastikan kesinambungan (<i>sustainability</i>) <b>TH</b> dalam perniagaan dan peneraju pengurusan haji;</li> <li>■ Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti warga <b>TH</b>;</li> <li>■ Meminimakan risiko reputasi kewangan dan operasi melalui penambahbaikan sistem, prosedur dan tatacara kerja;</li> <li>■ Menilai tahap etika dan integriti bagi menepati Nilai Teras <b>TH</b>.</li> </ul>                                                    |
| Pengiktirafan dan Punitif | <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Melaksanakan sistem amaran dan bertindak sebagai <i>early warning and quick response</i> bagi mengesan dan menghukum pelanggaran;</li> <li>■ Memantau pelakuan yang melanggar integriti, organisasi dan mengambil tindakan pencegahan, punitif dan pemulihan;</li> <li>■ Memberi pengiktirafan kepada warga <b>TH</b> yang berintegriti;</li> <li>■ Memberi ganjaran kepada pelaporan berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.</li> </ul> |

## PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023



Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dilancarkan pada 29 Januari 2019 untuk mengambil alih pelan terdahulu iaitu Pelan Integriti Nasional 2004.

NACP mengguna pakai penambahbaikan holistik sebagai inisiatif untuk membawa wawasan Malaysia ke arah sebuah negara yang berintegriti dan bebas daripada rasuah.


Pelan itu dibangunkan berdasarkan inisiatif yang praktikal bagi setiap agensi kerajaan dan swasta untuk memerangi isu rasuah, integriti dan tadbir urus dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

NACP dilaksanakan berdasarkan 22 strategi yang memberi keutamaan kepada enam (6) sektor utama. Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan salah satu inisiatif mandatori NACP yang menjadi pemangkin dalam melibatkan pihak berkepentingan di dalam organisasi bagi membina ekosistem tadbir urus yang lebih baik dan mantap.

## IKRAR INTEGRITI KORPORAT TH

Ikrar Integriti Korporat **TH** telah mula ditandatangani pada 13 April 2012 sebagai komitmen **TH** dalam menjunjung Prinsip Pencegahan Rasuah. Pada 30 Mei 2017, Ikrar Bebas Rasuah telah ditandatangani oleh Eksekutif dan anggota Pengurusan **TH** bagi menunjukkan komitmen ke arah menegakkan integriti dan melaksanakan persekitaran perniagaan bebas rasuah.

Dengan menandatangani ikrar ini, **TH** berikrar bahawa:



**TH** akan berusaha untuk mewujudkan persekitaran perkhidmatan dan perniagaan di Malaysia yang berintegriti dan bebas daripada rasuah melalui tindakan-tindakan berikut:

|                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>01</b><br>Mempromosikan nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus korporat yang baik                                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Untuk tidak membenarkan sebarang perbuatan rasuah dalam apa jua bentuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, di premis perkhidmatan dan dalam semua hubungan perkhidmatan dan perniagaan, termasuk dengan pembekal, kontraktor, pendeposit dan pihak ketiga;</li> <li>■ Untuk memastikan pematuan sepenuhnya terhadap kod etika dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa pada setiap masa;</li> <li>■ Untuk mewujudkan budaya kerja positif yang mengutamakan integriti bagi mewujudkan persekitaran perkhidmatan dan perniagaan yang kondusif;</li> <li>■ Untuk mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada mereka yang mempunyai integriti dan etika yang tinggi; dan</li> <li>■ Untuk meningkatkan saluran aduan yang selamat dan boleh diakses oleh seluruh anggota serta lain-lain pihak bagi tujuan melaporkan perbuatan rasuah dengan penuh keyakinan dan tanpa sebarang risiko tekanan.</li> </ul> |
| <b>02</b><br>Pengukuhan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah                                                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Untuk membangunkan program pencegahan rasuah bagi menjelaskan nilai-nilai, dasar dan prosedur yang akan digunakan bagi mencegah perbuatan rasuah daripada berlaku dalam semua aktiviti perkhidmatan dan perniagaan;</li> <li>■ Untuk memperbaiki sistem serta prosedur sedia ada bagi mengelakkan sebarang amalan rasuah;</li> <li>■ Untuk memasukkan program pencegahan rasuah, peningkatan nilai-nilai etika dan integriti dengan memberi latihan kepada pihak Pengurusan dan seluruh anggota; dan</li> <li>■ Untuk mengadakan audit dalaman secara berterusan bagi mengelakkan penyalahgunaan perkhidmatan, dana serta aset.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| <b>03</b><br>Pematuan undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan memerangi rasuah                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Untuk memastikan semua undang-undang, dasar dan prosedur yang berkaitan dengan rasuah dipatuhi; dan</li> <li>■ Untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik dilaksanakan, dipantau dan diamalkan, perkhidmatan dan perniagaan dijalankan secara telus serta bertanggungjawab bagi mengelakkan konflik kepentingan, penyalahgunaan kuasa dan salah laku.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>04</b><br>Membanteras sebarang bentuk amalan rasuah                                                                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Tidak bertolak ansur terhadap mana-mana anggota atau mana-mana pihak lain yang terlibat dalam rasuah yang berkaitan dengan perkhidmatan dan perniagaan, tanpa mengira kedudukan; dan</li> <li>■ Untuk melaporkan perlakuan rasuah yang berlaku di premis perkhidmatan dan perniagaan kepada Pihak Berkuasa yang berkaitan.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>05</b><br>Sokongan kepada inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malaysia (SPRM) | <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Untuk menyokong kempen pencegahan rasuah oleh Kerajaan dan SPRM;</li> <li>■ Untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa, agensi kawal selia dan SPRM, berhubung dengan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang bagi menentang rasuah;</li> <li>■ Untuk mengatur program pencegahan rasuah secara berterusan melalui penubuhan Jawatankuasa Khas atau Jabatan Pematuan dan Integriti;</li> <li>■ Untuk mewujudkan hubungan erat dengan Pihak Berkuasa dan SPRM; dan</li> <li>■ Untuk memberikan informasi terkini dan mengadakan modul latihan secara berterusan bagi pencegahan rasuah, etika dan integriti.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                         |

# PELAN INTEGRITI **TH** 2023-2027

Pelan Integriti **TH** 2023-2027 merupakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang dibangunkan berdasarkan saranan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan juga komitmen **TH** untuk menjadi institusi Islam yang dihormati berdasarkan prestasi dan tadbir urusnya yang cemerlang.

Ia merupakan pelan strategik lima (5) tahun dengan objektif untuk membendung kelemahan dan mengukuhkan tadbir urus, integriti dan kawalan antirasuah **TH**. Pelan ini turut mematuhi keperluan ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) yang mampu membantu **TH** menganalisis, mengenal pasti, merancang, melaksana dan memantau tindakan untuk menangani isu dan masalah rasuah dalam organisasi secara menyeluruh, holistik dan sistematik. Pelan Integriti ini menerangkan inisiatif dan tindakan yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan risiko rasuah dengan merangka strategi pencegahan, pengesanan dan penguatkuasaan yang berkesan.

## OBJEKTIF PELAN INTEGRITI TH 2023-2027



### MISI

- **TH:** Institusi Islam yang Dihormati atas Pencapaian dan Tadbir Urus.



### OBJEKTIF

- Memperkasa budaya integriti dan tadbir urus yang baik melalui amalan transaksi urus niaga yang mematuhi perundangan berkuatkuasa;
- Menginstitusi budaya muamalat yang beretika, bebas serta telus menerusi program pendidikan, pengukuhan dan kawalan dalaman yang efektif; dan
- Memupuk budaya tadbir urus korporat yang mematuhi Syariah.



### KEUTAMAAN

- Pematuhan Perundangan, Peraturan, Dasar dan Standard ISO 37001 *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS);
- Menginstitusi budaya integriti yang mematuhi Syariah;
- Bebas dan telus dalam membuat keputusan; dan
- Inisiatif pencegahan rasuah yang efektif.



### SASARAN

- Mengemuka laporan komprehensif kepada Badan Penguatkuasa (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) dan Lembaga Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus / Lembaga Pengarah **TH**;
- Pelaksanaan dan pemantauan Rangka Kerja Syariah **TH** pada 2023;
- Temuan audit berkaitan salah laku rasuah dan isu ketidakpatuhan tadbir urus berkurangan;
- Mengurangkan tempoh penyelesaian kes siasatan; dan
- Statistik kes pelanggaran tatakelakuan berkurangan.



### PENDEKATAN

- Dasar dan Tadbir Urus;
- Nilai dan Etika;
- Moral dan Budaya.

# RANGKA KERJA PELAN INTEGRITI

## 5 PRINSIP MAQASID SHARIAH

### MISI

Institusi Islam yang Dihormati atas Pencapaian dan Tadbir Urus

### OBJEKTIF



i) Memperkasa budaya integriti dan tadbir urus yang baik melalui amalan transaksi urusniaga yang mematuhi perundangan berkuatkuasa;



ii) Menginstitusi budaya muamalat yang beretika, bebas serta telus menerusi program pendidikan, pengukuhan dan kawalan dalaman yang efektif; dan



iii) Memupuk budaya tadbir urus korporat yang mematuhi Syariah.

### RANGKA KERJA PENGAWASAN TH

#### ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS (ABMS) TH

#### FOKUS KEUTAMAAN

Pematuhan Perundangan, Peraturan, Dasar dan Standard ISO 37001; 2016 ABMS TH.

Menginstitusi budaya integriti yang mematuhi Syariah.

Bebas dan telus dalam membuat keputusan.

Inisiatif pencegahan rasuah yang efektif.

#### 1 DASAR DAN TADBIR URUS

#### 2 NILAI DAN ETIKA

#### 3 MORAL DAN BUDAYA

### STRATEGI

- Pengamalan ketelusan oleh pihak yang mengawal entiti korporat.
- Memastikan daya tahan terhadap ancaman rasuah di entiti korporat.
- Mempertingkatkan tahap kecekapan dengan menghapus atau menyekat peluang rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan kelemahan dalam tadbir urus.
- Memperkukuh struktur tadbir urus TH.
- Melaksanakan prosedur operasi standard dan proses ketekunan wajar dalam membuat keputusan penjualan/perolehan pelaburan yang mematuhi dasar dan peraturan berkuatkuasa.

- Memastikan kelestarian dalam perniagaan dan kepemimpinan pengurusan Haji.
- Meningkatkan kecekapan, memupuk Nilai Etika Kerja TH (NEKTH) dan menghasilkan Mukmin Profesional.
- Memperkukuh komitmen NEKTH di kalangan Lembaga Pengarah dan Pengurusan TH.
- Menginstitusi NEKTH.

- Membentuk budaya integriti TH melalui komunikasi dan agenda pengukuhan integriti.
- Amalan budaya korporat Islam yang komprehensif (Maqasid Syariah).
- Anugerah pengiktirafan integriti dan melaksanakan hukuman atas pelanggaran tatakelakuan.

### PELAKSANAAN

#### PERUNDANGAN, PERATURAN DAN DASAR

Semua yang berkuatkuasa di TH.


#### PEMATUHAN SISTEM DAN PROSES

Semua yang berkuatkuasa di TH.

## STRATEGI PELAN INTEGRITI TH 2023-2027

Pelan ini telah menetapkan tiga (3) pendekatan yang menjadi teras dalam usaha memerangi rasuah. Strategi bagi setiap pendekatan telah dikenal pasti oleh Pasukan Penggerak Integriti **TH** (ISLAH) dan Resolusi Bengkel Pembangunan Kertas Dasar Integriti **TH**.

## STRATEGI KOMITMEN INTEGRITI TH



### KEPADA SIAPA PELAN INI TERPAKAI

- Semua warga **TH** dan subsidiarinya;
- Mana-mana syarikat atau orang perseorangan individu yang berurusan dengan **TH** berkaitan perkhidmatan atau pembekalan;
- Mana-mana orang individu atau pihak yang dibayar gaji/elaun oleh **TH** bagi apa-apa aktiviti.

Strategi bagi setiap pendekatan yang dibangunkan telah dinyatakan dalam jadual di bawah:

## **PENDEKATAN**

### **1) Dasar Dan Tadbir Urus**

| <b>Bil.</b> | <b>Strategi</b>                                                   | <b>Inisiatif/ Aktiviti</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <b>Tempoh</b> | <b>Tanggungjawab</b>                                                       |
|-------------|-------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|----------------------------------------------------------------------------|
| 1           | Amalan ketelusan oleh pihak yang mengawal entiti korporat.        | Memperkenalkan tapisan integriti dalam pelantikan Pengurusan Tertinggi dalam Badan Berkanun dan Syarikat berkaitan Badan Awam.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | 2023-2025     | Ketua Pegawai Modal Insan                                                  |
|             |                                                                   | Mewujudkan pendekatan bersyarat terhadap sebarang cadangan pelaburan untuk mengoptimumkan penggunaan dana.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | 2023-2025     | Pengarah Eksekutif Pelaburan                                               |
|             |                                                                   | Menetapkan perisytiharan penuh ke atas semua Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan berkaitan perkara berikut:<br><br>i) Pegangan saham Pengurusan Kanan sama ada secara langsung dan tidak langsung;<br>ii) Jawatan seseorang Ahli Lembaga Pengarah dan mana-mana jawatan utama di syarikat awam yang lain (disenaraikan atau pun tidak);<br>iii) Ganjaran seseorang Pengarah secara terperinci; dan<br>iv) Ganjaran yang diterima oleh Pengurusan Kanan berdasarkan band. | 2023-2025     | Setiausaha kepada Lembaga                                                  |
|             |                                                                   | Pemantauan pelaksanaan perantikan dan komposisi Pengarah Nomini Subsidiari dan Syarikat Kepentingan <b>TH</b> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | 2023-2027     | Pengurus Besar Pelaburan Strategik & Ketua Pegawai Eksekutif Anak Syarikat |
|             |                                                                   | Cadangan pindaan perlembagaan berkaitan rezab pemegang saham.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | 2023-2027     | Pengurus Besar Pelaburan Strategik                                         |
|             |                                                                   | Menganjurkan program latihan komprehensif kepada Pengarah Berkecuali dan Tidak Berkecuali termasuk Pengarah Nomini <b>TH</b> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | 2023-2027     | Pengurus Besar Pelaburan Strategik                                         |
| 2           | Memastikan daya tahan terhadap ancaman rasuah di entiti korporat. | Memperkuh hubungan dan keterlibatan dengan Agensi Penguatkuasaan, Badan Pamatuhan dan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC).                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | 2023-2027     | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                                      |
|             |                                                                   | i) Menggalakkan pegawai di Bahagian Integriti dan subsidiari <b>TH</b> ditauliahkan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO);<br>ii) Mesyuarat dengan semua Ketua Pegawai Integriti Subsidiari <b>TH</b> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | 2023-2027     | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                                      |
|             |                                                                   | Penambahbaikan Polisi <i>Integriti Pact</i> dalam Perolehan <b>TH</b> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | 2023          | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                                      |

| Bil. | Strategi                                                                                                                              | Inisiatif/ Aktiviti                                                                                                                                                                                                                                                                    | Tempoh    | Tanggungjawab                                                     |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|-------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                                                                       | Pendedahan Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan <b>TH</b> dan syarikat-syarikat subsidiari adalah benar dan saksama.                                                                                                                                                                   | 2023-2027 | Pengarah Eksekutif Kewangan Kumpulan                              |
|      |                                                                                                                                       | Penguatkuasaan Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) <b>TH</b> . Pemantauan pematuhan Garis Panduan Edaran Sumbangan.                                                                                                                                                              | 2023-2027 | Pengurus Besar Komunikasi Korporat                                |
| 3    | Meningkatkan tahap kecekapan dengan menghapuskan peluang rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan kelemahan dalam tadbir urus. | i) Pematuhan ISO 37001: 2016 ABMS dan Polisi ABMS <b>TH</b><br>ii) Pematuhan Tatacara Mencukupi Subsidiari <b>TH</b> berdasarkan penguatkuasaan Liabiliti Korporat, Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) 2009;<br>iii) Pensijilan semula ISO 37001: 2016 ABMS. | 2023-2025 | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                             |
|      |                                                                                                                                       | Penambahbaikan medium pengisytiharan penerimaan hadiah, harta, konflik kepentingan dan transaksi pihak berkepentingan.                                                                                                                                                                 | 2023-2025 | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                             |
|      |                                                                                                                                       | Latihan berterusan untuk memastikan Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP) dipatuhi.                                                                                                                                                                                                | 2023-2025 | Ketua Pegawai Modal Insan & Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti |
|      |                                                                                                                                       | Memastikan tahap kelayakan minimum dan proses ketekunan wajar pra-perlantikan setiap Ahli Lembaga Jawatankuasa dilaksanakan- Penilaian kelayakan dan kesesuaian.                                                                                                                       | 2023-2027 | Setiausaha kepada Lembaga                                         |
|      |                                                                                                                                       | Penambahbaikan Dasar Pendedahan Salah Laku di Tempat Kerja <b>TH</b> dan sistem e-whistleblowing.                                                                                                                                                                                      | 2023-2024 | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                             |
|      |                                                                                                                                       | Penggunaan <i>Artificial Intelligence</i> dalam Aplikasi AML/CFT.                                                                                                                                                                                                                      | 2023      | Ketua Pegawai Risiko & Pematuhan                                  |
|      |                                                                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                                        |           |                                                                   |
| 4    | Memperkuhuk Struktur Tadbir Urus <b>TH</b>                                                                                            | Memastikan pendekatan Rangka Kerja Kawalan Dalam <b>TH</b> diadaptasi dalam SOP setiap jabatan.                                                                                                                                                                                        | 2023-2027 | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                             |
|      |                                                                                                                                       | Mengemas kini Profil Pengurusan Risiko dan Pematuhan <b>TH</b> berdasarkan Penilaian Kendiri Kawalan Risiko (RCSA).                                                                                                                                                                    | 2023      | Ketua Pegawai Risiko & Pematuhan                                  |
|      |                                                                                                                                       | Melaporkan penarafan audit berasaskan risiko kepada Jawatankuasa Lembaga/Pengurusan Audit dan Tadbir Urus.                                                                                                                                                                             | 2023-2027 | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                             |
|      |                                                                                                                                       | i) Pelaksanaan Dasar Amalan Tadbir Urus Syariah <b>TH</b> ;<br>ii) Membangunkan Kerangka Syariah Anak Syarikat <b>TH</b>                                                                                                                                                               | 2023      | Pengurus Besar Syariah                                            |
|      |                                                                                                                                       | Penguatkuasaan Kod Etika Perniagaan <b>TH</b> .                                                                                                                                                                                                                                        | 2023-2027 | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                             |

| Bil. | Strategi | Inisiatif/ Aktiviti                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | Tempoh    | Tanggungjawab                                                        |
|------|----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|----------------------------------------------------------------------|
|      |          | Menganjurkan program kesedaran dan pematuhan Peraturan Tatatertib <b>TH</b> 2010.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | 2023-2027 | Ketua Pegawai Modal Insan                                            |
|      |          | Automasi perkhidmatan kepada pendeposit yang mematuhi kehendak Perundangan dan Peraturan yang dikuatkuasakan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | 2023-2025 | Pengarah Eksekutif Operasi & Pengurus Besar Jabatan Operasi          |
|      |          | Pengurusan dana dan pentadbiran aset selaras dengan kehendak undang-undang dan peraturan berkuatkuasa.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | 2023-2025 | Pengarah Eksekutif Pelaburan                                         |
|      |          | Pengurusan Haji yang telus berdasarkan inisiatif Pelan Tindakan Haji 2021-2025.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | 2023-2025 | Pengarah Eksekutif Haji                                              |
|      |          | Mengekalkan Piagam Lembaga mengikut amalan tadbir urus terbaik- Seksyen 11, Akta 535.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 2023      | Setiausaha kepada Lembaga                                            |
|      |          | Mengemas kini batasan dan akauntabiliti Polisi Kuasa Tabung Haji ( <b>PKTH</b> ) yang mematuhi Akta dan Peraturan <b>TH</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | 2023-2027 | Pengurus Besar Bahagian Strategik dan Perancangan Korporat           |
|      |          | Melaksana tadbir urus <b>TH</b> berdasarkan Garis Panduan Perlantikan Ahli Jawatankuasa/ Lembaga, <b>PKTH</b> / batasan tanggungjawab yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah <b>TH</b> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | 2023-2027 | Setiausaha kepada Lembaga                                            |
|      |          | Cadangan untuk menggunakan Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII) di <b>TH</b> ;<br>i) Pelabur institusi hendaklah mengisytiharkan terma tanggungjawab dan pengawasan pegangannya;<br>ii) Pelabur institusi hendaklah memantau syarikat pelaburannya;<br>iii) Pelabur institusi hendaklah berinteraksi perkara yang berkaitan dengan syarikat pegangannya;<br>iv) Pelabur institusi hendaklah mengisytiharkan dengan telus dan tegas dalam menguruskan sebarang konflik kepentingan;<br>v) Pelabur institusi hendaklah mempertimbangkan aspek tadbir urus dan kelestarian syarikat pada setiap proses membuat keputusan pelaburan;<br>vi) Pelabur institusi hendaklah mempunyai dasar hak pengundian pegangannya. | 2023      | Pengarah Eksekutif Pelaburan & Ketua Pegawai Eksekutif Anak Syarikat |
|      |          | Memantau penilaian sendiri dan pelaksanaan Rangka Kerja Pengawasan <b>TH</b> berdasarkan inisiatif HIJRAH24:<br>i) Membangunkan Rancangan Model Operasi <b>TH</b> ;<br>ii) Pindaan Akta <b>TH</b> 1995;<br>iii) Struktur Tadbir Urus <b>TH</b> – Rangka Kerja Pengawasan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | 2023-2024 | Pengurus Besar Bahagian Strategik dan Perancangan Korporat           |
|      |          | Menginstitusikan piagam tanggungjawab Lembaga dan Pengurusan Tertinggi melalui penglibatan pro-aktif dan berterusan dengan/antara pihak berkepentingan <b>TH</b> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | 2023-2027 | Pengurus Besar Bahagian Strategik dan Perancangan Korporat           |

| Bil. | Strategi                                                                                            | Inisiatif/ Aktiviti                                                                                                                      | Tempoh    | Tanggungjawab                                                                                                                                                                             |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                                     | Kajian semula Akta <b>TH</b> .                                                                                                           | 2023-2024 | Pengurus Besar Perundangan                                                                                                                                                                |
|      |                                                                                                     | Digitalisasi perkhidmatan untuk meningkatkan kecekapan dan akauntabiliti <b>TH</b> bagi memenuhi jangkaan kehendak pihak berkepentingan. | 2023-2026 | Ketua Pegawai Teknologi Maklumat;<br>Ketua Bahagian Perancangan & Pamatuhan;<br>Ketua Bahagian Operasi & Sokongan;<br>Ketua Bahagian Penyelesaian Teknikal IT;<br>Ketua Bahagian Perisian |
| 5    | Melaksanakan SOP dan proses ketekunan wajar dalam membuat keputusan penjualan /perolehan pelaburan. | Kajian pelaburan pasca kelulusan.                                                                                                        | 2023-2025 | Pengarah Eksekutif Pelaburan                                                                                                                                                              |
|      |                                                                                                     | Pelaksanaan strategi <i>cut loss / exit policy</i> untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran dana.                                        | 2023-2025 | Pengarah Eksekutif Pelaburan                                                                                                                                                              |
|      |                                                                                                     | Menambahbaik SOP Pelaburan berpandukan standard ISO.                                                                                     | 2023-2025 | Pengarah Eksekutif Pelaburan                                                                                                                                                              |

## 2) Nilai Dan Etika

| Bil. | Strategi                                                                                                                | Inisiatif/ Aktiviti                                                                                                                                                                                                                                                               | Tempoh    | Tanggungjawab                         |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|---------------------------------------|
| 1    | Memastikan kelestarian dalam perniagaan dan peneraju pengurusan haji                                                    | Pengurusan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah secara berstruktur untuk memastikan proses pelantikan berdasarkan kompetensi, telus dan berkecuali. Melaksanakan proses induksi Lembaga Pengarah baharu dilantik.                                                                     | 2023-2027 | Setiasa kepada Lembaga                |
|      |                                                                                                                         | Merancang program komunikasi yang terperinci dan dinamik. Penglibatan aktif pemegang saham serta berupaya menguruskan ekspektasi pemegang taruh.                                                                                                                                  | 2023-2027 | Pengurus Besar Komunikasi Korporat    |
|      |                                                                                                                         | Jaringan komunikasi berkesan dengan Kerajaan, Ahli Politik dan masyarakat (Pengurusan pemegang taruh di kalangan korporat, Agensi-agensi, JAKIM dan media).                                                                                                                       | 2023-2027 | Pengurus Besar Komunikasi Korporat    |
| 2    | Meningkatkan kecekapan, memupuk Nilai Etika Kerja <b>TH</b> (NEK <b>TH</b> ) dan pembangunan Mukmin Profesional         | Pelan tindakan Program Kepimpinan Al-Falah <b>TH</b> dikendalikan secara berstruktur dan komprehensif.                                                                                                                                                                            | 2023-2027 | Ketua Pegawai Modal Insan             |
|      |                                                                                                                         | Membudayakan NEK <b>TH</b> dengan berkesan.                                                                                                                                                                                                                                       | 2023-2027 | Ketua Pegawai Modal Insan             |
|      |                                                                                                                         | Kerangka Latihan <b>TH</b> Komprehensif (TNI / TNA)<br>i) Kerangka Pembangunan Kerja <b>TH</b> ( <b>TH</b> Career Path Policy & Framework)<br>ii) Kerangka Perancangan Penggantian <b>TH</b> ( <b>TH</b> Succession Planning Framework)                                           | 2023-2025 | Ketua Pegawai Modal Insan             |
| 3    | Memperkasa komitmen Nilai Etika Kerja <b>TH</b> (NEK <b>TH</b> ) di kalangan Pengurusan dan Anggota Lembaga <b>TH</b> . | Menganjurkan secara berkala program NEK <b>TH</b> kepada Pengurusan <b>TH</b> .                                                                                                                                                                                                   | 2023-2025 | Ketua Pegawai Modal Insan             |
| 4    | Menginstitusi Nilai Etika Kerja <b>TH</b> (NEK <b>TH</b> ).                                                             | Memperkasa tadbir urus dalam mencapai prestasi cemerlang:<br>i) Menyemak semula Prosedur Operasi Standard Jabatan & bahagian.<br>ii) Memastikan semua Ketua Jabatan mendaftarkan dasar, perundangan dan peraturan <b>TH</b> dalam "Portal Repositori Dokumen Korporat <b>TH</b> " | 2023-2027 | Semua Ketua Bahagian                  |
|      |                                                                                                                         | Pendekatan NEK <b>TH</b> sebagai elemen utama dalam menilai prestasi warga <b>TH</b> (KPI).                                                                                                                                                                                       | 2023-2027 | Ketua Pegawai Modal Insan             |
|      |                                                                                                                         | Kajian semula Kod Etika <b>TH</b> .                                                                                                                                                                                                                                               | 2023-2027 | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti |

### 3) Moral Dan Budaya

| Bil. | Strategi                                                                                   | Inisiatif/ Aktiviti                                                                                                                                                                                                      | Tempoh      | Tanggungjawab                                                     |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-------------------------------------------------------------------|
| 1    | Membentuk budaya integriti <b>TH</b> melalui komunikasi dan agenda pengukuhan integriti    | Program Pendidikan pengukuhan Pelan Integriti tahunan melalui:<br>i) Saluran Komunikasi Integriti.<br>ii) Program Pendidikan dan pengurusan Integriti kepada semua warga <b>TH</b> , Anggota Lembaga dan pemegang taruh. | 2023-2026   | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                             |
|      |                                                                                            | Pelan Pengurusan Bakat - 20% daripada Pengurusan Jabatan kompeten dan diperakui kemahirannya.                                                                                                                            | 2023-2027   | Ketua Pegawai Modal Insan                                         |
|      |                                                                                            | Pelaksanaan rangka kerja tadbir urus berstruktur melalui:<br>i) Penambahbaikan berterusan dalam sistem dan prosedur;<br>ii) Mengawal kawalan dalaman/ pengawasan dalam organisasi.                                       | 2023-2027   | Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti                             |
|      |                                                                                            | iii) Membangunkan SMART KPI korporat;<br>iv) Pemantauan status pencapaian KPI di peringkat organisasi, jabatan dan bahagian.                                                                                             | 2023-2027   | Ketua Pegawai Modal Insan                                         |
| 2    | Amalan budaya korporat Islam yang komprehensif (Maqasid Syariah)                           | Membangunkan senarai semak ibadah harian dan memantau prestasi pelaksanaan semua warga <b>TH</b> .                                                                                                                       | 2023-2025   | Ketua Pegawai Modal Insan                                         |
|      |                                                                                            | Pelaksanaan Dasar Amalan Tadbir Urus Syariah <b>TH</b> (Maqasid Syariah).                                                                                                                                                | 2023-2025   | Pengurus Besar Syariah                                            |
|      |                                                                                            | Program Pengukuhan Syariah <b>TH</b> yang menyeluruh.                                                                                                                                                                    | 2023 - 2025 | Pengurus Besar Syariah                                            |
| 3    | Anugerah pengiktirafan integriti dan melaksanakan hukuman ke atas pelanggaran tatakelakuan | i) Menjalankan prosiding tatatertib kerana pelanggaran undang-undang dan dasar;<br>ii) Melaporkan secara berkala kepada Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus status tindakan tatatertib.                                   | 2022-2027   | Ketua Pegawai Modal Insan & Ketua Pegawai Audit Dalam & Integriti |
|      |                                                                                            | Mewujudkan Program Pembangunan Kepimpinan berstruktur.                                                                                                                                                                   | 2021-2027   | Ketua Pegawai Modal Insan                                         |

# PETUNJUK PRESTASI UTAMA PELAN INTEGRITI TH (2023-2027)

## SASARAN PELAKSANAAN

### Sasaran Pelaksanaan PELAN INTEGRITI TH (2023-2027)

Pelan Integriti **TH** harus mempunyai sasaran bagi memastikan pencapaian pelan tersebut sesuai dengan Visi dan Misi **TH**. Sehubungan itu, sasaran jangka pendek Pelan Integriti **TH** terkini adalah bagi tempoh lima (5) tahun (2023-2027).

Sasaran jangka pendek perlu dikaji semula pada pertengahan tempoh lima (5) tahun untuk memastikan pendekatan dan strategi dapat dilaksanakan dan bersesuaian.


## PENILAIAN KEBERKESANAN

Penilaian keberkesanan merupakan kaedah mengakses pencapaian objektif Rangka Tindakan Integriti **TH**. Penilaian keberkesanan yang diperolehi daripada unsur-unsur berikut:

| BIL. | FOKUS KEUTAMAAN                                       | NATIJAH                                                                                | SASARAN                                                                                                                    |
|------|-------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1    | Pematuhan Keperluan PITH dan standard ISO 37001 ABMS. | Pematuhan Perundangan, Peraturan, Dasar dan Standard ISO 37001 ABMS.                   | Pelaporan lengkap dan berkala kepada Agensi Penguatkuasa (SPRM) dan Lembaga Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus <b>TH</b> . |
| 2    | Menginstitutui budaya kerja berintegriti dan saksama. | Menginstitutui budaya integriti yang mematuhi Syariah.                                 | Pelaksanaan dan pengawasan Rangka Kerja Syariah <b>TH</b> pada tahun 2023.                                                 |
| 3    | Bebas dan telus dalam membuat keputusan               | Statistik tahunan temuan Audit Dalam <b>TH</b> .                                       | Temuan berkaitan isu pemuatan tadbir urus dan potensi risiko rasuah berkurangan.                                           |
| 4    | Inisiatif pencegahan rasuah yang efektif.             | Laporan statistik tahunan aduan Salah Laku di Tempat Kerja <b>TH</b> (Whistleblowing). | Proses siasatan dan memuktamadkan kes dapat dilaksanakan dalam tempoh yang singkat/berkurangan.                            |
|      |                                                       | Laporan statistik tahunan Tindakan Tatatertib <b>TH</b> .                              | Pengurangan kes Tindakan Tatatertib.                                                                                       |

## PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Bahagian Integriti dan Etika bertanggungjawab menyelia pelaksanaan, pemantauan dan penilaian keberkesanan Pelan Integriti **TH**.



- Pemantauan dan menganalisis penambahbaikan berterusan
- Penglibatan semua Jabatan/Bahagian yang dipertanggungjawab dalam Pelan Integriti **TH**
- Laporan pemantauan dwi-tahunan

**Pelaporan Dalaman**

**Pelaporan Luar**

## NILAI TERAS TH

---



- Komited untuk mencapai kejayaan **TH** serta sumbangan terhadap industri dan komuniti.
- Kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada **TH**.
- Kesungguhan dalam melakukan sesuatu untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan.
- Bersifat progresif dan proaktif, mengambil peluang dan memikul tanggungjawab tanpa sangsi.
- Bekerja dengan bijak dan bersungguh-sungguh.



- Taqwa menganggap bekerja sebagai satu ibadah dan berintegriti.
- Akauntabiliti terhadap semua tindakan tanpa ada sebarang kepentingan diri.
- Memberi perhatian terhadap perincian, disiplin dan menepati masa.
- Mengamalkan pertimbangan yang baik dan mengaplikasikan kemahiran yang berkenaan dan berpengetahuan.
- Sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan.



- Bersatu dalam satu tujuan, bekerja dalam berpasukan, saling hormat menghormati serta mengamalkan syura, mempercayai dan membantu dalam mencapai matlamat yang sama.
- Bersifat kekitaan, bertanggungjawab, komited dan bertimbang rasa.



- Sentiasa menyesuaikan diri kepada perubahan.
- Berusaha menambah ilmu dan memperoleh penyelesaian inovatif.

## NILAI DAN ETIKA KERJA TH



# PENUTUP

Pelan Integriti **TH** 2023-2027 adalah penilaian semula inisiatif Pelan Integriti **TH** terdahulu, yang menjurus ke arah menambahbaik tadbir urus dan pengurusan rasuah untuk semua pihak berkepentingan **TH**. Analisa ke atas sistem integriti **TH** menunjukkan bahawa **TH** mempunyai banyak kekuatan, tetapi juga kelemahan yang memerlukan penambahbaikan. Sehubungan itu pematuhan dan pemantauan berasaskan ISO 37001:2016 ABMS merupakan penentu ukur bagi memastikan pelaksanaan Pelan Integriti **TH** 2023-2027 tidak tersasar daripada garis panduan amalan ini.

Pelan Integriti **TH** 2023-2027 akan bertindak sebagai pembolehubah dalam mengukuh dan menerapkan elemen utama integriti peribadi dalam semua peringkat warga **TH** melalui penglibatan yang menyeluruh. Faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan pengukuhan integriti di **TH** adalah komitmen kepimpinan, dasar-dasar yang kukuh, komunikasi yang berkesan serta sumber yang memadai dan kompeten.

Kepimpinan di setiap peringkat Pengurusan **TH** perlu berpegang kepada nilai toleransi, integriti, jujur, berkemahiran dan saling menghormati. Komitmen dan kepimpinan melalui teladan oleh pihak Pengurusan **TH** berupaya memberikan impak yang besar dalam memperkasakan warga **TH** untuk merealisasikan budaya integriti berpaksikan Syariah Islam sesuai dengan Ad-Deen Islam.

Asas integriti hendaklah disemai dalam semua warga **TH** dan kumpulan anak syarikatnya dalam menunjukkan pematuhan terhadap inisiatif tadbir urus dan etika ini. Pelaksanaan Pelan Integriti **TH** 2023-2027 akan menjadi pemangkin dalam merealisasikan matlamat untuk meningkatkan integriti dan melestarikan **TH** ke arah menjadi sebuah Institusi Islam yang dihormati berdasarkan prestasi dan tadbir urus yang cemerlang.

إن شاء الله





# Pelan Integriti **TH** 2023 - 2027

© Lembaga Tabung Haji (**TH**) 2023. Hak cipta terpelihara.

Dokumen ini diberikan untuk tujuan maklumat sahaja, dan kandungannya tertakluk pada perubahan tanpa sebarang notis. Dokumen ini tidak boleh dihasilkan semula atau disalin mahupun dihantar dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara, tanpa kebenaran bertulis daripada pihak **TH** terlebih dahulu.

Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi terjemahan ini dengan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Malaysia perlu diguna pakai.

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

Pelan Integriti **TH** 2023 - 2027